

Faktor Minat Guru Pelatih dalam Bidang Perguruan Pendidikan Teknik dan Vokasional
(Trainee Teachers' Interest Factor in Technical and Vocational Education Teaching Field)

ROS ELIANA AHMAD ZUKI, NORHANAN M.FADZLILLAH

ABSTRAK

Minat memainkan peranan penting dalam menentukan tahap usaha dan pencapaian. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji faktor minat guru pelatih dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Reka bentuk kajian gabungan ini melibatkan 15 guru pelatih semester 6, di Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim (IPGKTI). Persampelan adalah secara kelompok bertujuan. Data kajian dipungut melalui temubual berstruktur dan dianalisis secara manual dan menggunakan perisian Atlas.ti7. Hasil analisis menunjukkan bahawa 8 responden (53.3%) menceburi bidang kejuruan PTV kerana minat, 2 responden (13.3%) kerana terpaksa dan 5 responden (33.3%) kerana dipaksa. Namun begitu, setelah 6 semester mengikuti pengajian, 12 responden (80%) begitu yakin untuk berkhidmat sebagai guru PTV, 3 responden (20%) kurang yakin dan tiada guru pelatih yang tidak yakin untuk berkhidmat sebagai guru PTV. Dapatkan kajian membuktikan proses latihan perguruan bidang PTV di IPG berpotensi meningkatkan keyakinan guru pelatih yang pada awalnya agak dingin dengan kerjaya guru PTV. Justeru itu, pihak yang terlibat dengan proses latihan perguruan bidang PTV di IPG perlu memastikan proses ini berlangsung mengikut perancangan yang telah distruktur dengan terkesan dan bermakna. Diharapkan kajian ini menjadi panduan kepada pihak pengurusan di Institut Pendidikan Guru Malaysia serta pensyarah JPTV di IPG tentang peri pentingnya proses latihan perguruan bidang PTV ke arah membentuk guru PTV berkualiti.

Kata kunci: minat, guru pelatih, Pendidikan Teknik, Vokasional

ABSTRACT

Interests play an important role in determining the level of effort and achievements. Therefore, this study aimed to investigate the interest of trainee teachers in the field of Technical and Vocational Education (PTV). The design of this mix method study involving 15 semester 6 trainee teachers , at the Temenggong Ibrahim Teacher Training Institute (IPGKTI). Sample were choosed using grouping purposive sampling. Data were collected through structured interviews and analyzed manually and using Atlas.ti7 software. The analysis showed that 8 respondent (53.3%) involved in PTV teaching because of interest, 2 respondent (13.3%) due to forced and 5 respondent (33.3%) as forced. However, after 6 semesters enrolled, 12 respondent (80%) were confident to serve as PTV teachers, 3 respondent (20%) lack confidence and no teachers were not confident to serve as PTV teachers. The findings reveals that the process of teachers training in the field of PTV in IPGKTI potentially increasing trainee teachers confidence who were initially quite cold with a PTV teacher's career. Therefore, the parties involved in the process of teachers training in the field of PTV in IPG must ensure this process goes according to plan has been structured and meaningful impressed. This study is expected to be a guide to the management of Malaysia Teachers Traning Institute and PTV lecturer at the institute about the importance of teacher training process towards forming the quality teachers in PTV.

Keywords: Interest, trainee teachers , Technical, Vocational Education

PENGENALAN

Guru berkualiti menjadi prioriti dalam pendidikan di Malaysia. Krisis kekurangan guru berkualiti perlu ditangani segera kerana pembangunan negara perlu didahului oleh pembangunan modal insan (Khalif 2009). Selari dengan pendapat Norlia (2000) & Ros Eliana (2014), perguruan ialah satu kerjaya yang bermatlamat untuk pembentukan insan dan ihsan yang sempurna agar manusia itu mengerti tentang peranan dan tanggungjawab mereka terhadap diri, masyarakat, alam yang mereka diamti serta terhadap Keagungan Yang Maha Pencipta.

Peranan guru dalam era pembelajaran abad ke-21 adalah sebagai pemudah cara. Oleh itu, guru perlu lebih bersedia dan peka mewujudkan dan menggunakan situasi-situasi pembelajaran secara cekap dan berkesan. Persoalannya, sejauh manakah persediaan seorang guru untuk menghadapi cabaran murid yang berminda. Bagi menghadapi situasi sebegini, seorang guru yang ingin menjadikan dirinya sebagai guru berkualiti dan berjaya seharusnya mempunyai minat yang mendalam dalam bidang perguruan.

Minat adalah suatu aspek yang penting dalam melakukan sesuatu dengan berjaya. Sebagai contoh, seseorang mampu menjadi seorang doktor yang berjaya kerana dia mempunyai minat yang mendalam terhadap dunia perubatan sehingga menjadikan dia seorang doktor yang mampu merawat pesakit. Begitu juga dengan minat terhadap kerjaya guru. Seseorang bakal guru seharusnya menanam minat yang mendalam terhadap kerjaya guru. Hal ini bagi memastikan seseorang bakal guru dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang guru yang berdedikasi.

LATAR BELAKANG MASALAH

Dalam Pelan Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV), menurut mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, 10 000 orang guru PTV akan diambil secara berperingkat menjelang akhir 2015 (Dimuat turun pada Jun 08, 2012, dari <http://www.mstar.com.my>). Persoalannya, adakah guru-guru PTV ini berjiwa PTV dan mampu melahirkan sumber daya manusia yang dapat merealisasikan matlamat negara untuk mencapai status negara maju dan berteknologi canggih (Warnoh dan Norasmah, 2003)?

Rasionalnya, faktor minat guru pelatih dalam bidang PTV perlu diberi perhatian sewajarnya kerana pada masa ini, kerajaan memberi tumpuan khusus dalam usaha melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi melalui Transformasi PTV yang dilancarkan pada 6

Januari 2012. Transformasi ini bertujuan meningkatkan nilai pasaran kerja pelajar dan melonjakkan pendidikan vokasional agar setaraf dengan negara maju. (Januari 7, 2012, Utusan Malaysia).

Dalam bidang perguruan, seorang guru haruslah mempunyai minat yang mendalam dalam profesionnya kerana mereka merupakan orang yang bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu dan membentuk peribadi murid-muridnya. Fakta ini disokong oleh Aflit Nuryulia (2014), Garrison (1965) yang menegaskan bahawa minat mempengaruhi daya usaha. Seorang remaja yang mempunyai minat yang tinggi terhadap sesuatu subjek itu akan mencapai matlamat kerjaya mereka. Menjadi seorang guru haruslah mempunyai minat yang tinggi dalam bidang ini, kerana seorang guru harus memenuhi ciri-ciri profesi tersebut. Selaras pernyataan Ab. Halim dan Jaafary (2005), ahli profesional perlu mempunyai nilai moral yang tinggi, sikap positif dan etika profesional kerana ‘survival’ dan kemajuan negara bergantung kepada mereka.

Dapatkan kajian Baharin dan Nor Fatimah (2010), menjelaskan bahawa pengaruh paling tinggi guru pelatih UTM memilih bidang perguruan ialah faktor peribadi (kebolehan, bakat, personaliti, minat). Kajian Noor Azlan dan Farhana (2010) pula melaporkan bahawa faktor minat dengan bidang keguruan yang diceburi berada pada tahap yang sederhana. Dapatkan ini membantu pihak pengurusan merangka program yang sesuai untuk memastikan kualiti guru terjamin. Dapatkan ini juga memberi implikasi yang besar kepada bidang pendidikan kerana menurut Rikard (1999) kualiti guru digerakkan oleh minat dan komitmen terhadap tugas mengajar. Sehingga kini, belum ada kajian berkaitan faktor minat guru pelatih dalam bidang PTV di IPGKTI. Justeru itu, kajian ini adalah satu keperluan.

OBJEKTIF DAN persoalan KAJIAN

Objektif kajian ini adalah mengkaji faktor minat guru pelatih dalam bidang PTV. Oleh itu, persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah faktor minat guru pelatih dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- ii. Apakah tingkat keyakinan guru pelatih untuk berkhidmat sebagai guru Pendidikan Teknik dan Vokasional setelah 6 Semester Mengikuti Pengajian.

METODOLOGI

Reka bentuk Kajian

Dalam kajian ini, reka bentuk penyelidikan yang terlibat adalah gabungan antara kuantitatif dengan kualitatif.

Pensampelan

Kajian ini melibatkan 15 orang guru pelatih semester 6, di Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim. Persampelan adalah secara kelompok bertujuan.

Responden yang berada dalam lingkungan umur 25 tahun ini merupakan guru pelatih PTV yang mana setelah tamat pengajian, akan ditempatkan di mana-mana sekolah rendah sebagai tenaga pengajar subjek Reka Bentuk Teknologi yang bertauliah. Responden dipilih berdasarkan ciri-ciri berikut:

- i. telah didedahkan dengan subjek Kaedah Mengajar Kemahiran Hidup Sekolah Rendah (RBT3105) dan lulus subjek tersebut dalam peperiksaan.
- ii. telah didedahkan dengan situasi sekolah, sejak mereka berada di tahun 1 hingga 2 melalui Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS). PBS ini perlu dijalani oleh mereka sekali bagi setiap semester, selama seminggu.
- iii. telah didedahkan dengan latihan praktikum. Pengalaman ditempatkan di sekolah menjalani praktikum merupakan kriteria penting dalam pemilihan populasi kerana mereka telah berpengalaman mengajar dan merasai sendiri suasana sebenar P&P dalam bilik darjah

Instrumen

Instrumen yang sempurna akan mengukur sesuatu

pembolehubah dengan tepat (Mohd Majid, 1990). Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan adalah protokol temu bual berstruktur.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Instrumen protokol temu bual telah disemak oleh 2 orang pensyarah kanan di Jabatan PTV sebelum digunakan dalam proses temubual. Ini bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen.

Analisis Data


Data yang diperolehi dari kajian, dianalisis bagi menjawab persoalan kajian. Analisis data dilaksanakan secara manual dan menggunakan perisian Atlas.ti7.

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

Dapatan kajian dilaporkan berdasarkan persoalan kajian.

Faktor Minat Guru Pelatih Dalam Bidang Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Seramai 8 orang guru pelatih (53.3%) memilih untuk menceburkan diri sebagai guru pelatih bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) kerana minat. 2 orang guru pelatih (13.3%) memilih untuk menceburkan diri sebagai guru pelatih bidang PTV kerana terpaksa. 5 orang guru pelatih (33.3%) memilih untuk menceburkan diri sebagai guru pelatih bidang PTV kerana dipaksa. Rajah 1 menunjukkan faktor keterlibatan guru pelatih dalam bidang PTV.



RAJAH 1. Faktor Minat Guru Pelatih Dalam Bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional

Merujuk pada Rajah 1, majoriti guru pelatih memilih untuk melibatkan diri dalam bidang PTV kerana minat. Antara jawapan yang diberikan semasa temubual adalah seperti berikut:

Masa sekolah dulu-dulu, saya suka tengok cikgu kemahiran hidup mengajar. Bila hari yang ada subjek kemahiran hidup, saya bersemangat ke sekolah. Cikgu kemahiran hidup tahu macam-macam. kayu, elektrik, pertanian, masakan, jahitan.. Sebab tu saya minat nak jadi cikgu kemahiran hidup (R7).

Cikgu ni pakaian dia kemas. Termasuklah cikgu kemahiran hidup. Yang lelaki pakai kemeja dan ada yang pakai tie. Yang perempuan pula, sopan dan menarik. Masa kemahiran hidup, mereka tetap kemas dan nampak menarik dengan apron dan sarung tangan. Saya suka penampilan cikgu-cikgu saya di sekolah. Itu sebab saya nak jadi cikgu (R8).

Cikgu kemahiran hidup di sekolah dulu, baik walaupun garang. Bimbang saya buat projek. Saya suka karektor dia. Ini buat saya berminat untuk jadi cikgu (R9).

Saya suka tengok cikgu mengajar. Dari kecil suka main cikgu-cikgu dengan kawan-kawan. Saya jadi cikgu, kawan-kawan jadi murid. Masa tu, kalau tak dapat jadi cikgu, sampai bergaduh-gaduh dengan kawan-kawan.. Dah besar, memang tekad nak jadi cikgu. Sebab tu mohon IPG (R6).

Pengalaman guru pelatih di alam persekolahan mempengaruhi minat mereka terhadap kerjaya guru. Guru-guru yang mendidik mereka berjaya memberi kesan positif tentang kerjaya guru, sehingga tertanam dalam hati mereka untuk jadi seorang guru. Situasi ini bertepatan dengan kenyataan Abdul Rahim (2011), guru merupakan model akhlak dan budaya yang sentiasa menjadi perhatian dan ikutan murid. Kerjaya ibu bapa turut mempengaruhi minat guru pelatih untuk menjadi guru. Ini diluahkan oleh R11 dan R15.

Emak ayah saya cikgu. Membesar dengan jiwa cikgu dan sekarang memang hanya minat nak jadi cikgu (R11).

Saya suka tengok mak bawa buku menanda kat rumah. Dari situ, saya pun ambil pen dan menanda buku latihan sendiri. Ini dah besar... rasa tak sabar nak jadi cikgu (R15).

R11 turut meluahkan isu berikut yang menjadi bukti keterlibatan dia dengan perguruan dalam bidang PTV adalah kerana minat.

Saya lihat budak-budak sekolah sekarang, tak minat belajar. Saya ingin membantu merka supaya minta belajar. Cara mudah untuk bersama membantu mereka adalah dengan menjadi guru. Sebab tu lah saya nak jadi guru (R11).

Berikut merupakan luahan daripada responden yang menyatakan bahawa keterlibatan mereka dalam perguruan bidang PTV adalah kerana terpaksa.

Saya tak pernah minat nak jadi cikgu RBT. Tapi, masa minta-minta sambung belajar, saya isi ja.. mohon masuk IPG. Bila keluar keputusan, hanya tawaran ke IPG yang saya dapat. Daripada menganggur, baik saya masuk je IPG (R1)

Masuk IPG habis belajar, kerja terjamin. sekarang ni, tak perlu fikir minat. terpaksa masuk bila dapat sebab fikir masa depan (R5)


Kelima-lima responden yang menyatakan dipaksa melibatkan diri dalam perguruan bidang PTV meluahkan kenyataan yang sama. Mereka dipaksa kerana kehendak ibu bapa.

Emak dan ayah nak saya jadi cikgu (R2, R4, R10, R12)

Walaupun tidak berapa minat, saya tetap paksa diri ambil bidang ni sebab itu impian emak dan ayah. Saya tidak mahu menghampaskan mereka (R3)

Keyakinan Guru Pelatih Untuk Berkhidmat Sebagai Guru Pendidikan Teknik dan Vokasional Setelah 6 Semester Mengikuti Pengajian

Seramai 12 orang guru pelatih (80.0%) yakin bersedia untuk berkhidmat sebagai guru PTV setelah 6 semester mengikuti pengajian di Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, IPGKTI. 3 orang guru pelatih (20.0%) kurang yakin terhadap kesediaan untuk berkhidmat sebagai guru PTV setelah 6 semester mengikuti pengajian di Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, IPGKTI. Rajah 2 menunjukkan carta bar tingkat keyakinan guru pelatih untuk berkhidmat sebagai guru setelah 6 semester mengikuti pengajian. Manakala Jadual 1 menjelaskan dengan lebih terperinci tentang tingkat keyakinan guru pelatih tersebut.



RAJAH 2. Keyakinan Guru Pelatih Untuk Berkhidmat Sebagai Guru Setelah 6 Semester Mengikuti Pengajian

JADUAL 1. Tingkat keyakinan untuk berkhidmat sebagai guru

Faktor keterlibatan	Responden	Luahan tentang keyakinan untuk berkhidmat sebagai guru	Tingkat keyakinan
Minat	R1	<i>rasa tak sabar nak pergi mengajar</i>	Yakin
	R6	<i>saya mampu jadi cikgu dengan ilmu RBT dan ilmu jadi cikgu yang saya dapat di IPG</i>	
	R7	<i>ya...saya yakin. saya akan buat yang terbaik demi anak bangsa</i>	
	R8	<i>amanah Tuhan kan. saya rasa mampu berkhidmat dengan baik</i>	
	R9	<i>banyak role model dari pensyarah-pensyarah. pasti boleh jadi cikgu RBT yang baik</i>	
	R11	<i>selalu buat pembentangan. dah pernah pergi praktikum. saya yakin... sudah sedia</i>	
Terpaksa	R14	<i>tak sabar nak rasa jadi cikgu sebenar</i>	Kurang Yakin
	R15	<i>tak sabar nak kongsi ilmu</i>	
	R1	<i>ermmm...boleh mengajar tapi masih ada rasa takut-takut nak berhadapan dengan murid</i>	
	R5	<i>tiap kali buat presentation dalam kelas sentiasa nervous. saya takut rasa nervous tu masih ada masa ajar budak</i>	
Dipaksa	R2	<i>saya boleh jadi cikgu tapi ada masalah dalam komunikasi. kadang-kadang fikir kelas sampai tak boleh makan.</i>	Yakin
	R3	<i>banyak perkara yang telah saya belajar di sini. saya bersedia untuk jadi cikgu</i>	
	R4	<i>praktikum pun saya dah ikut. saya seronok dan memang tak salah pilih untuk jadi cikgu</i>	
	R10	<i>saya yakin boleh</i>	
	R12	<i>dulu masuk sini sebab dipaksa. tapi sekarang dah jatuh cinta pada kerja cikgu. saya pasti, boleh mengajar dan akan terus belajar macam mana nak jadi cikgu yang bagus</i>	

Didapati 8 orang guru pelatih yang melibatkan diri dalam perguruan bidang PTV kerana minat begitu yakin untuk berkhidmat sebagai guru setelah 6 semester mengikuti pengajian.

Begitu juga dengan 4 orang guru pelatih yang pada awalnya memaklumkan bahawa dipaksa mengikuti bidang perguruan PTV. Mereka turut meluahkan keyakinan untuk berkhidmat sebagai guru setelah 6 semester mengikuti pengajian. Namun begitu, dalam kalangan guru pelatih yang pada awalnya memaklumkan bahawa dipaksa mengikuti bidang perguruan PTV, hanya R2 yang merasa kurang yakin. Merujuk pada luahan R2, rasa kurang yakin itu adalah disebabkan oleh masalah sendiri dalam berkomunikasi.


Tindak balas berkaitan tingkat keyakinan dari 2 orang guru pelatih yang melibatkan diri dalam bidang perguruan PTV kerana terpaksa adalah sama. R1 dan R5 kurang yakin untuk berkhidmat sebagai guru setelah 6

semester mengikuti pengajian. Daripada luahan mereka dapat dinyatakan bahawa masalah yang menghantui mereka adalah berkolaboratif dengan murid. Oleh sebab mereka tahu kelemahan sendiri, masing-masing menyuarakan bahawa mereka akan tetap berusaha memperbaiki kelemahan diri kerana sudah meminati karier guru.

6 semester ikut bidang ini, saya dah rasa suka dengan kerjaya guru. Tapi itulah, saya masih berdebar setiap kali masuk ke kelas masa praktikum. Apa-apapun, saya akan cuba atasi masalah itu. (R1)

Saya dah jatuh cinta dengan kerja cikgu. saya akan berusaha memperbaiki kelemahan diri. (R5)

Rajah 3 menunjukkan rumusan keseluruhan dapatan.



RAJAH 3. Rumusan Keseluruhan Dapatan

PERBINCANGAN

Teori Kerjaya Happockk 1976 menyatakan bahawa seseorang memilih pekerjaan adalah untuk memenuhi keperluan emosi dan nilai-nilai khas. Minat mempunyai hubungan rapat mengapa seseorang membuat pemilihan kerjaya. Faktor pemilihan profesion ini amat penting untuk memastikan guru pelatih mengikuti program pendidikan di IPG mendapat kursus yang betul-betul mereka minati. Dengan minat yang mendalam dalam bidang perguruan, seorang guru pelatih akan berusaha


untuk melakukan yang terbaik dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ismail (1992) menyatakan minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti mendorong seseorang untuk meneroka dengan lebih jauh. Seseorang yang berminat dengan pekerjaan yang dilakukan akan memastikan kerja yang dilakukan sempurna dan dapat diterima oleh orang ramai. Justeru itu, majoriti guru pelatih yang melibatkan diri dalam bidang PTV kerana minat, begitu yakin untuk berkhidmat sebagai guru setelah 6 semester mengikuti pengajian di IPG. Selari dengan kenyataan Sidek (2011), ciri-ciri penting yang

perlu ada atau dimiliki oleh setiap guru mahupun bakal guru ialah minat yang penuh terhadap keseluruhan tugasnya baik di sekolah mahupun melibatkan warga luar sekolah.

Minat boleh berubah mengikut masa dan persekitaran di sekeliling (Mohamed Najib dan M. Noor, 2008). Minat boleh berubah dengan pendedahan yang diikuti dalam kursus yang diambil. Disebabkan itu guru pelatih yang melibatkan diri dalam bidang PTV kerana dipaksa, turut yakin untuk berkhidmat sebagai guru setelah 6 semester mengikuti pengajian.

Oleh yang demikian, dapatlah dijelaskan bahawa dalam proses keterlibatan guru pelatih dalam

bidang perguruan PTV, faktor minat perlu diambil kira samaada minat, terpaksa atau dipaksa. Minat mempengaruhi usaha serta komitmen guru pelatih terhadap bidang yang diikuti. Namun begitu, yang lebih utama adalah proses latihan perguruan di IPG. Berdasarkan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa proses latihan perguruan bidang PTV di IPG adalah relevan serta mantap kerana berpotensi memberi impak positif kepada guru pelatih. Hal ini kerana, proses latihan perguruan bidang PTV ini berpotensi meningkatkan keyakinan guru pelatih yang pada awalnya agak dingin dengan kerjaya guru, untuk berkhidmat sebagai guru walaupun baru 6 semester mengikuti pengajian di IPG.



Rajah 4. Laluan Kerjaya Guru Bidang PTV

KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Kekuatan dan kemajuan sesebuah negara banyak bergantung kepada sistem pendidikan yang baik dan berkesan, manakala kekuatan sesebuah sistem pendidikan itu bergantung kepada guru yang berkualiti (Sidek,2011). Seperti yang dinyatakan dalam Wawasan 2020, pendidikan merupakan agenda penting yang akan memenuhi aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjadi realiti. Proses pendidikan dan latihan guru yang mantap boleh mengubah minat guru pelatih terhadap kerjaya perguruan. Justeru, pihak yang terlibat dengan proses latihan perguruan bidang PTV di IPG perlu memastikan proses ini berlangsung mengikut perancangan yang telah distruktur dengan terkesan dan bermakna.

Lanjutan itu, penyelidik mencadangkan agar dijalankan kajian keterlibatan kepada setiap guru pelatih pada semester 6 yakni 2 semester sebelum mereka menamatkan pengajian dalam bidang perguruan. Hal ini bagi membolehkan guru pelatih mengenalpasti kelemahan dan seterusnya berusaha memperbaiki kelemahan diri, bagi mencapai tahap guru berkualiti. Kajian juga boleh dijalankan terhadap kerelevan kursus-kursus dalam latihan keguruan bagi memastikan keupayaan dan potensi kursus untuk membangunkan guru pelatih berkualiti yang mampu mendokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Hamdan. 2011. *Falsafah & Pemikiran Pendidikan*. Johor Bahru, Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Ab. Halim Tamuri dan Jaafary Awang. 2005. Cabaran Pendidikan Nilai Dalam Pembangunan Insan Di Malaysia. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau UKM-UNRI Ke-2*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Aflit Nuryulia Praswati. 2014. Analisis Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Wirausaha Di Kalangan Mahasiswa Studi Kasus: Fakultas Ekonomi Dan Bisnis Universitas Muhammadiyah Surakarta. *Seminar Nasional dan Call for Paper (Sancall 2014): Research Methods And Organizational Studies*. ISBN 978-602-70429-1-9. 134-142.
- Baharin Bin Abu & Nor Fatimah Binti A. Aziz. 2010. *Faktor-Faktor Yang Mendorong Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Memilih Bidang Perguruan*. <http://eprints.utm.my/10709>
- Garrison, K. C. 1965. *Psychology of Adolescence*. New York: Engle Wood Cliffs, (S.I).
- Halimah Harun. 2006. Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan* 31. 83-96.
- Ismail Haji Reduan. 1992. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Pengajaran dan Pembelajaran Matematik di Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Akademik MPKT*. Kuala Terengganu. 137-147.
- Khalif Muammar. 2009. Faktor Kegemilangan Tamadun Islam: Pengajaran Dari Masa Lalu.

- Jurnal Hadhari.* Bil. 2, 15-31.
- Mohamed Najib Abdul Ghafar dan M. Noor Ariffin.
2008. Kesan Latihan Perguruan Ke Atas Faktor Pemilihan Perguruan. *Jurnal Teknologi 48 (E)* Jun. 15-31.
- Mohd Asron Mustapha. 2012, Januari 7. Melalui Pelan Transformasi Rangkuman Lima Strategi Utama Melonjak Pendidikan Vokasional. *Utusan Malaysia*, p4
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noor Azlan Bin Zanzali & Farhana Binti Che Din @ Noordin. 2010. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Persediaan Bakal Guru Untuk Mengajar Matematik Dalam Bahasa Inggeris*. <http://eprints.utm.my/10933>
- Norlia Melawi. 2000. *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pelajar Tahun Satu, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Memilih Kerjaya Perguruan, Satu Tinjauan Awal*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Othman Md Johan dan Hanisah Hamdan. 2005. Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Profesional Keguruan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan. Universiti Teknologi Malaysia. 1-9. (Tidak diterbitkan)
- Rikard, G.L. 1999. Promoting teacher commitment in pre-service teachers. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*. Reston: 70(9). 53 - 56.
- Ros Eliana. 2014. *Model Dan Modul Pengajaran Integrasi Holistik Guru Pelatih Pendidikan Teknik Dan Vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Sidek Baba. 2011. *Tajdid Ilmu Dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn Bhd.
- Teks Ucapan Penuh Menteri Pelajaran Sempena Hari Guru (Mei 16, 2011). Dimuat turun pada Jun 08, 2012 dari <http://www.mstar.com.my>.
- Warnoh Katiman dan Norasmah Hj.Othman. 2003. Program Pendidikan Guru Teknik Dan Vokasional Yang Cemerlang. *Seminar Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan 2003*. 19-20 Ogos. Holiday Inn, Kuching.

Ros Eliana Ahmad Zuki (Dr)
Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong
Ibrahim
Jalan Datin Halimah
80350 Johor Bahru, Johor
E-mel : eliana_pmm@yahoo.com

Norhanan M.Fadzlillah,
Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong
Ibrahim
Jalan Datin Halimah
80350 Johor Bahru, Johor
E-mel : anannojb@yahoo.com